

1103/1  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 1  
SEPTEMBER  
2007  
2 ¼ jam

LOGO  
DAN  
NAMA  
SEKOLAH

1103/1

PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2007

---

---

BAHASA MELAYU  
KERTAS 1

Dua jam lima belas minit

---

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI  
SEHINGGA DIBERITAHU

*... tetapi kalau disalahgunakan boleh  
mendapatkan mudarat.*

1. *Kertas soalan ini mengandungi 2 bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak.

**Bahagian A**

[Masa dicadangkan: 45 minit]

[30 markah]

Lihat peta minda di bawah dengan teliti. *Huraikan pendapat anda tentang peranan masyarakat dalam memajukan industri pelancongan negara.* Panjang huraian, antara **200 hingga 250 patah perkataan.**



### Bahagian B

(Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit)

(100 markah)

*Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya melebihi 350 patah perkataan.*

1. Era globalisasi hari ini memerlukan masyarakat Malaysia mengamalkan budaya membaca untuk meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan. Malangnya tahap membaca dalam kalangan masyarakat masih rendah. Hal ini menuntut penglibatan ibu bapa bagi menyemai tabiat membaca sejak anak-anak masih kecil.

Jelaskan bagaimana ibu bapa boleh memainkan peranan melahirkan masyarakat membaca.

2. Selaku guru penyelaras kokurikulum, anda tidak berpuas hati dengan tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di sekolah. Sehubungan dengan itu, anda terpanggil untuk menulis sebuah rencana tentang kepentingan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum.

Tulis rencana itu selengkapnya.

3. Kebersihan merupakan amalan yang penting kepada masyarakat terutama semasa negara berusaha menarik pelancong asing berkunjung ke negara kita.

Cadangkan usaha-usaha berkesan untuk mendidik anggota masyarakat agar mengutamakan kebersihan di tempat-tempat awam.

4. Sukan merupakan wahana perpaduan antarabangsa.

Bincangkan.

5. Peribahasa *belakang parang kalau diasah lagiakan tajam* membawa maksud biar bodoh sekalipun seseorang itu, tetapi jikalau gigih berusaha nescaya akan pandai juga.

Tulis sebuah cerpen berdasarkan maksud peribahasa tersebut.

### **KERTAS SOALAN TAMAT**